



PERATURAN ASRAMA MRSM TUN MUSTAPHA TAWAU

1. Penempatan Pelajar

- 1.1 Para pelajar yang telah ditempatkan di tempat yang disediakan pada hari pendaftaran tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama.
- 1.2 Semasa Pendaftaran asrama, para pelajar dikehendaki mengisi boring yang telah disediakan oleh Penyelia Asrama dan perlu mengembalikan buku pulang bermalam untuk diserahkan kepada Guru Asrama.

2. Peraturan Bilik Asrama

- 2.1 Setiap bilik disediakan katil, meja belajar dan almari mengikut jumlah pelajar yang dilabelkan.
- 2.2 Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda maktab termasuk segala kelengkapan dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak maktab di dalam bilik.
- 2.3 Setiap bilik mestilah mempunyai ketua bilik yang dipilih oleh ahli bilik. Ketua bilik mestilah menetapkan jadual harian kebersihan bilik dan di tampilkan pada bilik.
- 2.4 Pelajar tidak dibenarkan mengubah susunan bilik sebagaimana yang telah ditetapkan.
- 2.5 Pelajar tidak dibenarkan menambah atau mengubahsuai segala peralatan atau perabot.
- 2.6 Pelajar tidak dibenarkan membuat sebarang bentuk perbuatan vandalisme seperti menconteng dinding, meja dan sebagainya.
- 2.7 Pelajar tidak dibenarkan menampal atau menggantung poster atau gambar atau sebarang bentuk tulisan di dinding.
- 2.8 Sebarang bentuk kerosakan di dalam bilik hendaklah dilaporkan segera kepada Penyelia Asrama.

- 2.9 Pelajar tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan kepunyaan dewan selera seperti tray, cawan dan sebagainya.
- 2.10 Pelajar tidak dibenarkan membuang atau melempar sampah keluar dari bilik.
Sampah hendaklah dibuang ke dalam tong sampah.
- 2.11 Ibu bapa atau penjaga tidak dibenarkan berada di dalam bilik.
- 2.12 Pelajar tidak dibenarkan berada di dalam bilik pada waktu kelas akademik, aktiviti di dalam surau dan riadah.
- 2.13 Pelajar tidak dibenarkan mengampai atau menggantung tuala mandi dan sebarang jenis pakaian di dalam bilik.
- 2.14 Langsir hendaklah sentiasa diikat dengan kemas pada waktu siang.
- 2.15 Lampu dan kipas hendaklah sentiasa dimatikan jika tidak digunakan.

3. Peraturan Katil

- 3.1 Pastikan katil berada dalam keadaan elok.
- 3.2 Pastikan katil keseluruhannya sentiasa kemas jika tidak digunakan.
- 3.3 Cadar hendaklah tegang.
- 3.4 Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- 3.5 Bantal hendaklah bersarung.
- 3.6 Hanya tilam,bantal, sarung bantal, selimut dan cadar maktab atau yang telah ditetapkan oleh maktab seperti contoh ketetapan dari segi bentuk, saiz, warna dan sebagainya sahaja yang dibenarkan.
- 3.7 Pastikan di bawah katil sentiasa kosong dan tidak terdapat sesuatu seperti kotak, kasut, beg, pinggan mangkuk, cawan, baldi dan sebagainya.

4. Peraturan Almari

- 4.1 Pastikan almari sentiasa dalam keadaan elok.
- 4.2 Pelajar mestilah melaporkan kepada penyelia asrama terhadap sebarang kerosakan terhadap almari.
- 4.3 Pastikan almari sentiasa boleh dikunci
- 4.4 Pastikan susunan almari mengikut peraturan susunan yang telah ditetapkan.
- 4.5 Pastikan tiada barang larangan dalam almari.
- 4.6 Pelajar dibenarkan untuk meletakkan jadual atau nota pelajaran di pintu almari sebelah dalam.

- 4.7 Pelajar mestilah memastikan tiada berlaku sebarang perbuatan vandalisma terhadap almari.

5. Peraturan meja belajar

- 5.1 Pastikan meja belajar sentiasa dalam keadaan elok.
- 5.2 Pelajar mestilah melaporkan kepada penyelia asrama terhadap sebarang kerosakan terhadap meja belajar.
- 5.3 Hanya buku, peralatan dan jam loceng sahaja yang dibenarkan berada di atas meja belajar.
- 5.4 Pastikan meja belajar tidak diconteng dengan dakwat kekal atau liquid paper.
- 5.5 Pelajar mestilah memastikan tidak berlaku sebarang perbuatan vandalisma terhadap meja belajar.

6. Peraturan Kerusi

- 6.1 Pelajar perlu membuat permohonan pinjaman kerusi daripada penyelia asrama.
- 6.2 Pelajar bertanggungjawab memastikan kerusi sentiasa berada dalam keadaan baik dan tidak hilang.
- 6.3 Pelajar mestilah melaporkan kepada penyelia asrama terhadap sebarang kerosakan terhadap kerusi.
- 6.4 Pelajar tidak dibenarkan melakukan sebarang bentuk vandalisma terhadap kerusi.
- 6.5 Kerusi tidak dibenarkan berada di luar kawasan bilik.
- 6.6 Kerusi hendaklah berada di bawah meja belajar jika tidak digunakan.

7. Tatatertib Di Dewan Selera.

- 7.1 Beratur semasa mengambil makanan. Dilarang memotong barisan.
- 7.2 Sistem tempahan (booking) tidak dibenarkan.
- 7.3 Sentiasa menjaga kebersihan Dewan Selera. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- 7.4 Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- 7.5 Pakaian di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam peraturan berpakaian.
- 7.6 Pelajar-pelajar dilarang membawa keluar makanan, barang-barang atau alatan dari dewan Selera.

- 7.7 Tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kawasan dalam kaunter agihan makanan.
- 7.8 Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam jadual harian / mingguan kehidupan asrama.

8. Peraturan Am Penginapan Pelajar

- 8.1 Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di dataran Blok Akademik selewat-lewatnya jam 06.15 pagi.
- 8.2 Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik termasuk waktu rehat.
- 8.3 Pelajar hendaklah menyusun dan mengemas bilik dan tempat tidur sebelum keluar dari asrama pada setiap masa.
- 8.4 Para pelajar hendaklah bekerjasama menjaga kebersihan tempat tinggal, bilik tidur, surau, bilik air dan kawasan persekitaran asrama. Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam bekas sampah yang disediakan.
- 8.5 Para pelajar dilarang sama sekali membawa balik ke asrama makanan atau peralatan dapur. Hanya makanan kering sahaja dibenarkan dibawa balik ke asrama.
- 8.6 Para pelajar tidak dibenarkan menyimpan atau memiliki barang-barang berbahaya seperti pisau, cangkul, racun, asid, mancis, pemetik api dan sebagainya di asrama.
- 8.7 Barang berharga seperti emas, permata dan seumpamanya tidak dibenarkan.
- 8.8 Pelajar-pelajar diharamkan memiliki atau menyimpan atau mengedar rokok atau merokok. Pelajar juga diharamkan memiliki / menyalahgunakan dadah serta meyimpan / meminum minuman keras.
- 8.9 Sebarang bahan lucah diharamkan dibawa ke asrama / maktab.
- 8.10 Pelajar lelaki tidak dibenarkan ke kawasan asrama perempuan atau sebaliknya.
- 8.11 Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di dalam asrama.
- 8.12 Ketua Dorm hendaklah memastikan semua suis elektrik seperti lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan asrama.

- 8.13 Para pelajar yang sakit mestilah berehat di Bilik Sakit dan tidak dibenarkan berada di asrama sehingga dibenarkan oleh Pengetua / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar / Ketua Guru Asrama / Guru asrama.
- 8.14 Semasa cuti semester / tamat pengajian, semua almari dan bilik asrama hendaklah dikosongkan, dibersihkan dan jangan dikunci.
- 8.15 Jimatkan penggunaan air di asrama. Paip-paip air hendaklah ditutup selepas digunakan.
- 8.16 Semua pelajar mesti berada di asrama masing-masing pada pukul 10.00 malam sehingga waktu subuh.
- 8.17 Para pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja-pekerja yang melakukan pembersihan mahupun baik pulih di asrama.
- 8.18 Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan lain tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pengetua, Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar, Ketua Guru Asrama dan Guru Asrama di blok masing-masing.

9. Peraturan Keselamatan Penggunaan Peralatan Elektrik Di Asrama.

- 9.1 Sambungan elektrik secara haram adalah dilarang.
- 9.2 Pastikan semua suis dimatikan dan tanggalkan palam dari soket setelah digunakan.
- 9.3 Jangan menggunakan sebarang peralatan elektrik semasa kilat.
- 9.4 Seterika elektrik boleh digunakan di bilik yang dikhaskan sahaja.
- 9.5 Setiap peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah mendapat kebenaran dari TPPP/ Ketua Guru Asrama. Peralatan yang tidak mendapat kebenaran akan dirampas.
- 9.6 Jangan sekali-kali menggunakan alat elektrik yang telah rosak.
- 9.7 Peralatan elektrik hanya boleh digunakan tanpa menggunakan tenaga elektrik maktab kecuali kalkulator dan komputer.

- 9.8 Kegagalan anda mematuhi syarat-syarat di atas akan mengakibatkan peralatan elektrik anda akan dirampas oleh pihak maktab.
- 9.9 Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada guru asrama. Jangan cuba membaiki sendiri.
- 9.10 Jangan menyentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan jika tangan anda basah.

10. Peraturan Keselamatan Diri / Harta Benda semasa Kebakaran

- 10.1 Apabila anda mendengar isyarat berlaku kebakaran atau terhidu bau asap, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan nyawa anda dan rakan anda.
- 10.2 Segera memberi amaran kepada rakan asrama. Menjerit sekutu mungkin perkataan Api... Api...Api...
- 10.3 Sila hubungi bomba.
- 10.4 Selamatkan barang-barang berharga kepunyaan anda seperti kad pengenalan, sijil-sijil penting buku-buku dan wang jika anda berupaya membawanya dengan mudah. Jika kebakaran sudah marak, lupakan barang-barang tadi. Anda perlu selamatkan nyawa anda dahulu.
- 10.5 Jika mengetahui ada rakan anda tidak berupaya untuk bergerak keluar dari asrama disebabkan pengsan, cedera, dan sebagainya, bantulah beramai-ramai dengan membawanya keluar.
- 10.6 Keluarlah dari asrama secepat mungkin melalui pintu yang berhampiran dengan anda (seperti dalam pelan setiap asrama).
- 10.7 Bergeraklah dengan pantas tetapi teratur meninggalkan asrama menuju ke kawasan yang telah ditetapkan untuk berkumpul.

11. Keselamatan wang Di Asrama

- 11.1 Wang Tunai.
 - 11.1.1 Pelajar tidak dibenarkan menyimpan sendiri (wang tunai) lebih dari RM20.00

- 11.1.2 Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank atau dengan penasihat homeroom yang berkenaan.
- 11.2 Kad ATM.
 - 11.2.1 Semua kad ATM mesti disimpan di tempat yang selamat.
 - 11.2.2 Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melaporkan kehilangan kad ATM dengan kadar segera kepada penasihat Homeroom atau Guru Asrama.

12. Keselamatan Umum.

- 12.1 Setiap penghuni asrama mesti melalui "fire drill" sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 12.2 Penggunaan lingkaran ubat nyamuk, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
- 12.3 Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api.
- 12.4 Jika berlaku kecemasan sila hubungi Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar / Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama / Pengawal dengan segera.
- 12.5 Kemudahan "first-aid" boleh didapati daripada Guru Asrama/ Bilik Rawatan / Bilik Gerakan Guru Asrama / Ketua Guru Asrama / Pondok Pengawal.

13. Bilik Kosong.

- 13.1 Setiap bilik yang tiada penghuni ditegah daripada menggunakannya.
- 13.2 Setiap peralatan di bilik ini jika berlaku kerosakan adalah tanggungjawab semua pelajar.
- 13.3 Almari, katil serta tilam hendaklah dikeluarkan.
- 13.4 Para pelajar dilarang menyidai sebarang pakaian kering / basah di dalam bilik kosong.
- 13.5 Kebersihan bilik hendaklah dijaga bersama oleh pelajar.

14. Peraturan Penguncian Pintu Di Asrama.

- 14.1 Penguncian pintu bilik / pagar asrama adalah di bawah kawal selia Guru Asrama/Warden bertugas.
- 14.2 Para pelajar dilarang sama sekali merosakkan pintu bilik /pagar asrama.

15. Pulang Bermalam.

- 15.1 Para pelajar dibenarkan untuk pulang bermalam mengikut jadual yang ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Maktab. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- 15.2 Pelajar hendaklah mengisi maklumat pada boring pulang bermalam dan buku *outing* sebelum mendapat kebenaran dari Ketua Guru Asrama / Guru Asrama yang bertugas.
- 15.3 Pelajar perlulah menggunakan baju *outing* atau baju batik sekiranya ingin pulang bermalam.
- 15.4 Setiap pelajar perlulah berada / melapor diri sebelum 5.00 petang pada hari pulang semula ke MRSM.